

TARIKH	3 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	Nasional

Kuota haji kita kekal 28,000

» Malaysia mohon kepada Arab Saudi tambah tempat

Oleh Haika Khazi
mfazil@bharian.com.my

Putrajaya

Kerajaan Arab Saudi menekekalkan kuota 28,000 jemaah Malaysia untuk menuaikan haji tahun ini.


Bagaimanapun, kerajaan sudah membuat permohonan kepada Arab Saudi untuk mendapatkan kuota tambahan bagi memenuhi keperluan rakyat Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata kuota tambahan perlu kerana masih ramai rakyat Malaysia mahu menuaikan ibadah haji, namun kuota diberikan amat terhad.

Seramai 936,000 rakyat Malaysia, termasuk 4,000 daripadanya berusia lebih 75 tahun kini mendaftar dengan Lembaga Tabung Haji (TH) untuk menuaikan haji.

Bolehkan dapat keutamaan "Justeru, harapan kita jemaah Malaysia menjaga tingkah laku, disiplin dan keselamatan diri serta tidak melakukan sebarang perbuatan bertentangan dengan undang-undang Arab Saudi termasuk mengadakan perhimpunan haram ketika menuaikan haji.

"Ini bagi memastikan jemaah kita dapat menuaikan ibadah haji dengan sempurna



Jamil Khir berucap pada **Kursus Perdana Haji peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya** di Masjid Putra di Putrajaya, malam kelmarin.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

dan selamat serta membolehkan kerajaan Arab Saudi memberi keutamaan apabila mereka mahu memberikan kuota tambahan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Kursus Perdana Haji peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di Masjid Putra di sini, malam kelmarin.

Isu kuota haji mencetuskan kebimbangan apabila kerajaan Arab Saudi menghantar nota diplomatik kepada Wisma Putra, bagi melahirkan rasa kecewa dengan tindakan segerintir rakyat Malaysia mengadakan perhimpunan haram di Makkah dan Madinah pada 28 April lalu.

Kumpulan pertama kira-kira 400 jemaah Malaysia akan berlepas ke Makkah pada 17 September ini, manakala penerbangan terakhir ialah pada

29 Oktober depan.

Jamil Khir berkata, kerajaan juga menekekalkan kos haji bagi 28,000 jemaah muassasah seperti tahun lalu iaitu pada kadar RM9,980 seorang.

Kadar terendah

"Kadar TH adalah terendah di dunia kerana kebanyakan negara mengenakan kos lebih tinggi iaitu purata RM15,000 seorang bergantung kepada jarak dari Makkah," katanya.

Dalam pada itu, TH juga melancarkan e-Book bagi memudahkan jemaah merujuk sebarang masalah berkaitan ibadat haji ketika di tanah suci menggunakan iPad atau telefon bimbit.

FAKTA NOMBOR

936,000
rakyat

Malaysia, termasuk 4,000 daripadanya berusia lebih 75 tahun mendaftar untuk menuaikan haji